

17 FEB 2003

S'pura-Perbalahan/I (Fokus Berita)

SINGAPURA SERING CELUPAR DALAM SELESAIKAN PERBALAHAN

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 17 Feb (Bernama) -- Perang mulut yang sering mewarnai hubungan antara Malaysia dan Singapura, yang berpisah sejak 1965, kini mencatat episod baru apabila republik itu lebih gemar menggunakan kata-kata kesat dalam menyelesaikan perbalahan dengan jirannya itu.

Dalam hal ini, sasaran utama Singapura tidak lain dan tidak bukan ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perkembangan ini muncul berikutan pendedahan Dr Mahathir pada Jumaat lepas bahawa rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong menentang rancangan Malaysia untuk membina sebuah jambatan baru bagi menghubungkan kedua-dua negara.

Sehari kemudian, Kementerian Luar Singapura (MFA) menggelar Dr Mahathir sebagai "penglipur lara yang menghiburkan" sebagai membalas kata-kata beliau bahawa Goh menentang pembinaan jambatan itu kerana mempunyai perasaan nostalgia terhadap Tambak Johor dan mendakwa Perdana Menteri Singapura itu menghalang rancangan itu kerana ingin membina sebuah jambatan lain.

"Perdana Menteri Mahathir adalah seorang penglipur lara yang menghiburkan," kata jurucakap MFA dalam satu kenyataan.

Akhbar Sunday Times semalam memberi fokus kepada dua rencana utama tentang Dr Mahathir dengan menggunakan tajuk "Dr Mahathir - The Storyteller" (Dr Mahathir - Si Penglipur Lara) dan sebuah rencana lagi yang menyusuri riwayat hidup beliau dengan menggunakan tajuk "It Started With A Snub" (Ia Bermula Dengan Satu Penghinaan).

Rencana mengenai "Penglipur Lara" itu memberi fokus kepada respons MFA terhadap kenyataan Dr Mahathir di Johor pada Jumaat bahawa Malaysia akan meneruskan rancangan untuk membina sebuah jambatan baru di sebelah negeri itu walaupun tidak mendapat kerjasama Singapura.

Dr Mahathir juga mendedahkan beliau telah dimaklumkan oleh Menteri Kanan Lee Kuan Yew bahawa Goh tidak menyetujui rancangan itu kerana beliau (Goh) mempunyai rasa nostalgia terhadap Tambak Johor dan jambatan baru hanya boleh dibina setelah beliau bersara.

Rencana kedua yang ditulis oleh penulis kanan akhbar berkenaan Susan Long pula menyingkap kisah lampau bagi memahami Dr Mahathir "sebagai seorang lelaki yang menonjol melalui perbalahan yang tercetus antara Singapura dan Malaysia."

Dalam perenggan pengenalannya, penulis itu mengisahkan apa yang berlaku kepada Dr Mahathir, seorang penuntut muda perubatan yang pintar di Singapura pada tahun 1940-an, semasa beliau keluar bersiar-siar pada suatu hari.

"Dia dengan gembira mengarahkan seorang pemandu teksi keturunan Cina supaya membawanya ke rumah seorang rakan wanita. Kemudian senyumannya tiba-tiba lenyap: Pemandu teksi itu secara sengaja telah menurunkannya di kuarer seorang amah yang bekerja di rumah berkenaan.

"Bagi seseorang yang sering mengamalkan sikap Melayunya dan memperjuangkan keadilan sosial, apa yang dialaminya itu merupakan suatu penghinaan," tulis Susan dalam akhbar itu.

Ringkasnya, tulis beliau, "Dr Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri Pertama Malaysia yang menuntut di Singapura, dan barangkali semasa menuntut di King Edward VII College, beliau telah membentuk suatu pandangan yang kekal bersamanya sejak abad lepas.

"Beliau melihat Cina Singapura sebagai tentera upahan, orang pulau, pentingkan diri sendiri, bongkak dan "tidak pernah menyeberangi Tambak

Johor. Bagaimanapun, tahun-tahun beliau berada di sini turut mengajarnya suatu perkara iaitu: Wang perlu diutamakan sekiranya dia ingin mengutamakan orang Melayu."

Dari seorang penglipur lara, Dr Mahathir kini menjadi pereka cerita. Sekurang-kurangnya, inilah apa yang digelar oleh rakan sejawatannya, Goh Chok Tong.

Pendapat Goh tentang Dr Mahathir tersimpul melalui kata-katanya yang dipetik oleh akhbar Straits Times keluaran hari ini yang menggunakan tajuk "Spin Doctors, Nostalgia, And Other Distractions" yang disifatkan oleh akhbar itu sebagai membalas "serangan mulut daripada Dr Mahathir".

Mengulas sindiran yang dibuat oleh Dr Mahathir terhadap tindakan Singapura menyiarkan surat yang ditulis oleh pemimpin kedua-dua negara bagi menjelaskan mengapa rundingan dua hala antara Malaysia dan Singapura mengalami kegagalan, akhbar itu memetik Goh sebagai berkata: "Banyak pemimpin Barat mengupah penulis ucapan profesional bagi mengukuhkan kedudukan mereka. Dr Mahathir merupakan penulis cerita yang amat baik".

"Bandingkan beliau dengan mereka yang terbaik, saya rasa dia mereka-reka cerita dengan cukup baik. Kami di Singapura kurang pandai mereka-reka cerita. Kami lebih sukakan pendekatan lebih serius, dengan memberi fakta dan angka," kata Goh.

Diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa Goh bersikap nostalgia apabila enggan merobohkan Tambak Johor yang sudah berusia 80 tahun itu, Perdana Menteri Singapura itu menyifatkan dirinya sebagai seorang yang lebih praktikal dan bukannya bersikap nostalgia.

"Saya seorang yang lebih praktikal dan bukannya bersikap nostalgia. Ya, dalam sesetengah hal, saya bersifat romantik. Semasa muda, saya sukakan novel dan sastera tapi saya pilih ekonomi sebagai matapelajaran...di universiti. Jadi sifat praktikal saya lebih terserlah".

Ada yang menyifatkannya sebagai pergaduhan mulut, ada yang memangilnya serangan mulut. Bagaimanapun, Goh menganggap apa yang terjadi antara Singapura dan Malaysia sekarang sebagai akrobatik mulut dan beliau tidak berhasrat untuk terlibat dalam pergaduhan mulut dengan Dr Mahathir.

"Anda terlibat dengan lebih banyak akrobatik mulut, ia tidak membawa kita ke mana-mana. Ia akan membosankan rakyat dan ini bukan masanya untuk menimbulkan kebosanan rakyat kita. Sudah tentu, menurut pendapat kami, kami ingin bercakap secara agak terus terang kepada rakyat Singapura tentang keadaan ekonomi, tentang pembuangan pekerja yang akan terus berlaku...dan bagaimana hendak menangani kemerosotan pertumbuhan bagi tahun ini."

Hari ini, sebuah tabloid milik MediaCorp Press menyiarkan di muka depannya berita utama mengenai gelaran pereka cerita yang diberi oleh Goh kepada Dr Mahathir.

"Ketika para penganalisis dari kedua-dua belah Tambak Johor masih menggaru kepala tentang kehebatan pidato yang diberi oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Johor minggu lepas, Perdana Menteri Goh Chok Tong menerangkan tentang lelaki ini dan prestasinya dalam dua perkataan semalam iaitu, Pereka Cerita."

Selain Dr Mahathir, Syed Hamid juga menjadi sasaran serangan media Singapura.

Pada 29 Dis 2002, penulis kolum, Chua Lee Hoong bagi akhbar The Straits Times menyifatkan Syed Hamid seorang yang terkenal kerana kata-katanya yang tidak tetap dan berpusing-pusing atau apa yang boleh digelar sebagai "Albar-risms."

Malaysia dan Singapura berbalah mengenai harga air dan kedaulatan Pulau Batu Puteh yang lebih dikenali sebagai Pedra Branca oleh Singapura.

Pada 6 Feb, kedua-dua pihak menandatangani perjanjian khas untuk merujuk perbalahan mengenai pulau itu kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Bagaimanapun, dua negara berjiran ini terus berbalah tentang

kedaulatan pulau itu.

Sungguhpun Goh menyatakan beliau tidak mahu terus terlibat dengan perbalahan mulut dengan Dr Mahathir, tetapi persoalannya ialah adakah ini akan menghalang media Singapura daripada terus menghentam pemimpin Malaysia?

--BERNAMA

SS SP NAK